Pengajaran Bahasa Malaysia Di Institusi Pengajian Tinggi Selepas 1983

Abdullah Hassan
Profesor Bahasa dan Linguistik
Unit Pengajian Bahasa
Universiti Sains Malaysia

Persoalan

Sering diperkataan bahawa selepas tahun 1983 maka pengajaran bahasa Malaysia sebagai satu mata pelajaran di peringkat Universiti haruslah tidak diperlukan lagi Kenyataan ini berdasarkan kenyataan bahawa perlaksanaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, yang dimulakan di sekolah rendah pada tahun 1970 dulu, sudah sampai ke peringkat Sijil Tinggi Pelajaran (Sastera — 1981 dan Sains — 1983). Justeru itu peringkat penguasaan bahasa Malaysia di kalangan pelajar sudah dianggap cukup mahir dan oleh itu pengajarannya sudah dianggap tidak perlu lagi Kenyataan seperti ini ternyata tidak matang dan kurang kesedaran terhadap keadaan sebenar bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan. Cuba kita perhatikan soalan ini BERPUAS HATIKAH KITA DENGAN PENCAPAIAN BAHASA MALAYSIA SETAKAT INI? Pada hemat saya, tidak adalah seorang pun, dengan mengetahui keadaan bahasa Malaysia sekarang, akan memberi jawapan pengiyaan kepada soalan ini Masih banyak benar isu dan masalah yang berhubungan dengan bahasa Malaysia perlu diselesaikan Keadaan seperti ini tidaklah dapat dikatakan suatu keadaan yang sudah memuaskan segala pihak. Ada banyak perkara yang boleh menyangkal kenyataan ini. Keadaan bahasa Malaysia yang selalu menimbulkan masalah telah menyebabkan tindakan di setengah pihak sehingga suatu jawatankuasa mengkaji penggunaan bahasa Malaysia ditubuhkan. Laporan lengkap yang diterbitkan oleh jawatankuasa ini (Februari 1981), memaparkan keadaan yang amat tidak menyenangkan itu.

Laporan tersebut telah membincangkan penggunaan bahasa Malaysia dalam sektor pentadbiran dan pengurusan, media massa, tempat awam dan institusi pendidikan. Dalam semua sektor ini terdapat keadaan yang tidak memuaskan. Laporan ini tidak sedikit pun mengatakan puas hati terhadap mana-mana sektor Oleh sebab kertas ini akan melibatkan pengajaran bahasa Malaysia maka saya catatkan di bawah sorotan daripada perakuan mengenai pendidikan yang terdapat dalam laporan itu. Ini akan dapat memberi keterangan mengenai keadaan pengajaran Bahasa Malaysia pada hari ini

Perakuan yang dibangkitkan itu dapat menyatakan keadaan bahasa Malaysia di semua peringkat pendidikan Isu yang dibangkitkan ialah

(a) Murid penutur bahasa Malaysia sebagai B_1 tidak menguasai bahasa teknik, dan juga pelajar bahasa Malaysia sebagai B_2 tidak menguasai resam bahasa Malaysia.

(b) Penghasilan buku teks, lebih-lebih lagi untuk pengajian tinggi, amat kurang. Yang ada menunjukkan bahasa Malaysia yang tidak baik

(c) Bahasa Malaysia di peringkat pra-universiti perlu diperkemas

(d) Pelajar, pensyarah dan pegawai universiti perlu meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia mereka.

(e) Teknik dan bahan untuk mengajar bahasa Malaysia perlu diperbaiki Maktab bahasa perlu dipulihkan.

(f) Perlu ada kursus peringkat ijazah untuk guru bahasa Malaysia.

(g) Guru perlu latihan menguji dan menilai pencapaian dan kelemahan bahasa Malaysia pelajar

Isu-isu yang dibangkitkan ini menyatakan ketidakpuasan yang berlaku terhadap bahasa Malaysia sekarang. Ternyata keadaan bahasa Malaysia di sekolah, maktab, dan universiti masih perlu diperbaiki dan dipertingkatkan. Sekarang cubalah kita lihat taraf bahasa Malaysia itu di Malaysia sekarang.

Taraf bahasa Malaysia hari ini

Kedudukan bahasa Malaysia hari ini jelas mencerminkan masyarakat penggunanya yang sedang mengalami pembangunan yang pesat. Dalam proses pembangunan ini kita sentiasa menemui segala benda baru saban hari. fikiran baru, barang baru, konsep baru, kereta baru, bangunan baru dll. Penutur bahasa Malaysia perlu mengungkapkan segala yang baru ini dalam bahasa Malaysia Dalam mencari ungkapan-ungkapan bahasa Malaysia yang sesuai ini, terdapat berbagai peringkat kemahiran penutur Ada orang yang mahir atau fasih bahasa Malaysianya dan mudah memberikan ungkapan dalam bahasa Malaysia, dan ada orang yang kurang fasih, atau yang jahil dan tidak upaya mengungkapkan apa-apa pun. Kemungkinan besar bahawa yang kurang fasih atau yang jahil itu merupakan mangsa kepada proses perubahan dan perkembangan bahasa Malaysia yang berlaku begitu pesat. Dengan kata lain, sebahagian besar penutur atau pengguna bahasa Malaysia telah ketinggalan atau tidak berupaya untuk bersaingan dengan perkembangan yang berlaku ke atas bahasa Malaysia, dan hal ini mengakibatkan berbagai masalah yang kita hadapi sekarang ini, termasuk masalah penggunaan bahasa Malaysia yang salah

Tidak boleh dinafikan bahawa dari segi politik, bahasa Malaysia memang telah terjamin, kedudukannya dijelaskan di dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 152. Kita tidak dapat menafikan bahawa sekarang ini proses pendaulatan bahasa Malaysia telah mula menampakkan kejayaannya untuk mencapai taraf kedudukan yang dapat dibanggakan dengan berfungsi sebagai

(a) bahasa kebangsaan yang melambangkan identiti bangsa dan negara,

(b) bahasa yang sesuai sebagai alat menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum,

(c) bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kebangsaan,

dan

(d) bahasa yang menjadi alat pembentuk kebudayan kebangsaan.

Kejayaan yang telah dicapai tidak pula bererti bahawa kita tidak lagi menghadapi masalah.

Apa yang menjadi kenyataan sekarang ialah bahawa setelah lebih 20 tahun bahasa Malaysia didaulatkan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, penguasaan atau keupayaan berbahasa di kalangan masyarakat pengguna

bahasa Malaysia masih jauh dari tahap yang menggalakkan Di kalangan orang-orang Melayu juga terdapat golongan yang hanya menguasai bahasa atau loghat daerahnya.

Satu lagi golongan penutur mempunyai penguasaan bahasa Malaysia yang terbatas. Mereka menggunakan kata-kata bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris, ketika bertutur atau menulis dalam bahasa Malaysia sehingga menghasilkan sejenis ragam bahasa yang bercampur aduk dan tidak keruan sifat tatabahasanya. Ragam bahasa seperti yang diungkapkan oleh orang-orang golongan ini, termasuk juga di dalamnya sebahagian golongan intelek, akan merumitkan sebarang usaha memantapkan sistem tatabahasa bahasa Malaysia, kerana mereka terus menerus menggunakan corak bahasa Malaysia yang melanggar hukum-hukum tatabahasanya.

Di kalangan penutur bukan Melayu pula, terdapat beberapa golongan tertentu Golongan pertama terdiri daripada mereka yang benar-benar berkesungguhan serta berminat untuk menguasai bahasa Malaysia dengan baik Golongan ini, walaupun bilangannya masih kecil, tetapi cergas dalam usaha mengembangkan penggunaan bahasa Malaysia yang baik di kalangan penutur bukan Melayu Namun kita masih meragui satu golongan lagi, iaitu golongan yang terbesar yang masih tidak berusaha untuk menguasai bahasa Malaysia, walaupun sudah lebih 20 tahun mereka diberi masa untuk menguasainya.

Dari perbincangan di atas ternyata bahawa pengajaran Bahasa Malaysia di semua peringkat pendidikan, rendah, menengah dan tinggi masih merupakan suatu keperluan. Di samping itu masalah dalam dan mengenai bahasa Malaysia wujud di luar institusi pendidikan. Inilah isu dan masalah yang dibangkitkan dalam laporan mengkaji penggunaan bahasa Malaysia tersebut di atas. Saya fahami bahawa hal ini merupakan satu putaran lingkaran keadaan yang memberi kesan antara satu dengan yang lain. Kalau kita ingin memperbaiki keadaan ini, maka perlulah kita mulakan usaha untuk mencapai tujuan itu di sesuatu peringkat dalam putaran lingkaran tersebut. Maksudnya pengunaan bahasa Malaysia yang baik dan berkesan hanya akan tercapai kalau institusi pendidikan memperbaiki pengajian bahasa Malaysia pada semua peringkat — setiap satunya akan memberi kesan terhadap yang lain. Dalam ruang lingkup kertas kerja ini saya akan cuba membincangkan cabaran dalam pengajian bahasa Malaysia di institusi pengajian tinggi. Ini bukanlah bermakna pengajaran bahasa Malaysia diperingkat rendah dan menengah tidak perlu diperhatikan tetapi hak ini terletak di luar tujuan penulisan kertas kerja ini

Kedudukan bahasa Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi hari ini

Untuk melihat cabaran yang menghadapi bahasa Malaysia di institusi pengajian tinggi, marilah kita lihat kedudukan bahasa Malaysia di institusi-institusi tersebut.

Tahun 1983 ini bukanlah suatu tarikh yang menjadi sempadan menandakan sebarang perubahan yang serta merta. 1983 hanya satu tarikh yang secara kasar boleh diterima sebagai satu titik untuk membolehkan kita meninjau ke belakang untuk melihat kelemahan-kelemahan dan juga memandang ke hadapan untuk melihat cabaran-cabaran untuk dihadapi dalam pengajaran

Bahasa Malaysia dalam bidang pendidikan dan khasnya di institusi-institusi pengajian tinggi

Dalam melihat kedudukan bahasa Malaysia di institusi pengajian tinggi hari ini, bolehlah kita berbicara dari empat segi. dasar bahasa Malaysia, perlaksanaan bahasa Malaysia, masalah bahasa Malaysia yang dihadapi dan pengajaran Bahasa Malaysia sebagai kursus pengajian. (dasar, perlaksanaan dan masalah dikutip dari Laporan JMPBM, 1982).

(a) *Dasar*

Dasar bahasa Malaysia di universiti tidak terpisah daripada dasar bahasa Malaysia dalam Perlembagaan Malaysia dan dasar pelajaran kebangsaan. Dewasa ini, pelajar yang mengikuti pengajian di universiti diwajibkan mendapat sekurang-kurangnya pangkat kelulusan dalam bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, melainkan di Universiti Teknologi Malaysia yang memerlukan kelulusan sekurang-kurangnya taraf kepujian.

(b) *Perlaksanaan*

Di universiti tempatan, kedudukan penggunaan bahasa Malaysia dapat dilihat dari aspek pengajaran dan aspek pentadbiran. Dalam bidang pengajaran, bahasa Malaysia digunakan sebagai bahasa pengantar untuk mata pelajaran tertentu, dan juga diajarkan sebagai satu mata pelajaran. Dalam bidang pentadbiran, pada umumnya, bahasa Malaysia sudah digunakan sepenuhnya.

Perlaksanaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di universiti telah menunjukkan perkembangan yang menggalakkan. Oleh yang demikian, menjelang tahun 1983, perlaksanaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran sastera di peringkat tahun pertama akan dapat dijalankan.

Di Universiti Malaya, ada tiga kategori pengajaran Bahasa Malaysia menurut keperluan fakulti yang berlainan.

(i) Di Fakulti Ekonomi, Undang-Undang, Pergigian dan Kejuruteraan, Bahasa Malaysia dijadikan syarat wajib lulus untuk penganugerahan ijazah Walau bagaimanapun, markah Bahasa Malaysia tidak dikira dalam penentuan keseluruhan peperiksaan.

(ii) Di Fakulti Sains, Sastera dan Sains Sosial, Bahasa Malaysia merupakan kursus akademik yang diwajibkan untuk semua pelajar, tetapi tidak dijadikan syarat untuk memenuhi kelulusan peperiksaan

(iii) Di Fakulti Perubatan dan di Fakulti Pendidikan, Bahasa Malaysia diajarkan untuk memenuhi keperluan pelajar semata-mata.

Di Universiti Pertanian Malaysia, Bahasa Malaysia diajarkan sebagai satu kursus wajib dan dijadikan syarat untuk penganugerahan ijazah dan diploma. Kursus ini meliputi aspek kefasihan dan peristilahan.

Di Universiti Sains Malaysia, Bahasa Malaysia juga diajarkan meliputi aspek kefasihan dan peristilahan. Kursus yang ditawarkan adalah wajib untuk semua pelajar dan kelulusan bagi tiap-tiap peringkat adalah wajib untuk penganugerahan ijazah

Di Universiti Teknologi Malaysia, Bahasa Malaysia termasuk dalam kursus Pendidikan Umum yang diberi judul Kemampuan Bahasa dalam kursus Pendidikan Umum di samping bahagian ikhtisas masing-masing.

Di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bahasa Malaysia tidak diajarkan sebagai satu kursus. Walau bagaimanapun, kursus bimbingan jangka pendek ada ditawarkan dari semasa ke semasa untuk pelajar dan pensyarah yang memerlukannya. Pada umumnya, di universiti, terdapat satu badan yang dipanggil pusat, unit atau jabatan bahasa yang, di antara lain, dipertanggungjawabkan khusus untuk mengendalikan pengajaran Bahasa Malaysia. Kumpulan yang diajarkan bahasa Malaysia ini adalah terdiri daripada pelajar, kakitangan akademik dan kakitangan am. Pada umumnya, matlamat pengajaran bahasa Malaysia itu ialah untuk membolehkan:

(i) pelajar mencapai kemahiran dalam bahasa Malaysia;

(ii) pensyarah meningkatkan kebolehan berkuliah dalam bahasa Malaysia,

(iii) pegawai tadbir dan kakitangan am meningkatkan kebolehan menggunakan bahasa Malaysia dalam urusan pentadbiran.

Masalah

Dari segi kemampuan menyampaikan kuliah dalam bahasa Malaysia, terdapat tiga kumpulan tenaga akademik seperti berikut.

(i) tenaga akademik yang fasih;

(ii) tenaga akademik yang separuh fasih; dan

(iii) tenaga akademik yang tidak fasih.

Di kalangan pelajar juga terdapat tingkat kemahiran bahasa Malaysia yang berbeza-beza. Oleh sebab itu, kecenderungan menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa lain selain daripada bahasa Malaysia di luar bilik kuliah masih menonjol.

Satu daripada masalah yang wujud ialah kekurangan dan ketidakselarasan penggunaan istilah dalam disiplin tertentu

Walaupun penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di universiti dapat dikatakan menggalakkan, namun masih terdapat masalah tertentu. Malah di dalam kursus yang disampaikan dengan pengantar bahasa Malaysia pun timbul masalah pemilihan ungkapan yang berpadanan dengan tahap ilmu di universiti. Ini berlaku akibat.

(i) kelemahan penguasaan bahasa Malaysia di kalangan tenaga akademik, yang menyebabkan kelemahan dalam menyampaikan kuliah dalam bahasa Malaysia,

(ii) kekurangan dan ketidakselarasan istilah.

Tiadanya bilangan buku teks dan rujukan yang cukup dalam bahasa Malaysia juga menjadi satu masalah dalam pelaksanaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di universiti. Masalah ini bertambah rumit dengan adanya penggunaan bahasa Malaysia yang tidak kemas dan teratur dalam buku teks dan bahan rujukan yang diterbitkan setakat ini

Pengajaran Bahasa Malaysia di Universiti

Setelah melihat dasar, perlaksanaan dan masalah bahasa Malaysia di institusi pengajian tinggi itu, marilah kita lihat pengajarannya di peringkat tersebut

Pada waktu ini, pengajaran Bahasa Malaysia sudah mula diberi perhatian secara serius. Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Sains Malaysia telah mula menawarkan kursus Bahasa Malaysia sebagai kursus ijazah sarjana muda (lihat Hamid Mahmud, 1981) untuk menghasilkan guru-guru Bahasa Malaysia yang lebih terlatih dalam bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun kursus-kursus ini baru bermula dan belum ada hasil graduan dari kursus ini. Kekuatan dan kelemahan graduan ini masih belum dapat kita lihat sebelum mereka bertugas Walau bagaimanapun, ada ciri-ciri yang menunjukkan graduan dari rancangan pengajian yang mengkhusus dalam bidang bahasa Malaysia ini akan menjadi lebih sesuai untuk tugas mengajar Bahasa Malaysia, memandangkan kepada isi kursus rancangan tersebut.

Di samping itu rancangan pengajian aliran linguistik dalam Jabatan Melayu Universiti Malaya, masih terus menawarkan kursus dan menghasilkan guru bahasa Malaysia. Inilah kursus pengajian yang menumpukan perhatian kepada bahasa Malaysia, dan menjadi sumber guru bahasa Malaysia itu selama ini Tetap ternyata, sumber ini sudah tidak dapat mengeluarkan bilangan guru bahasa Malaysia yang diperlukan itu. Mungkin dari segi isi kursus juga sudah perlu disemak untuk lebih sesuai dengan keperluan pada waktu ini

Di samping kursus ini terdapat juga kursus-kursus seperti kesusasteraan Melayu, kaedah mengajar bahasa Malaysia, terjemahan dari bahasa Inggeris atau pusat pengajian yang berkenaan. Kursus-kursus ini ternyata ada kepentingannya dalam pengajaran bahasa Malaysia pada hari ini, tetapi pada hari ini kursus-kursus ini terpisah-pisah dan dijalankan tanpa tujuan yang disepadukan dengan pengajaran Bahasa Malaysia secara umumnya.

Dalam keadaan pengajaran Bahasa Malaysia pada masa inilah saya cuba suatu peninjauan dan memperakukan bidang-bidang yang mungkin dapat diberi perhatian yang lebih berat untuk dijadikan tumpuan pengajaran selepas 1983 ini Inilah yang menjadi cabaran dalam mengajar bahasa Malaysia di institusi pengajian tinggi selepas 1983

Cabaran Dalam Pengajaran bahasa Malaysia di Institusi Pengajian Tinggi Selepas 1983

Ternyata dari perbincangan di atas kita perlu meningkatkan pencapaian bahasa Malaysia di institusi pengajian tinggi untuk menegakkan kedaulatannya. Untuk melihat cabaran dalam pengajaran bahasa Malaysia selepas 1983 ini kita telah mendapati bahawa pengajaran bahasa Malaysia di institusi pengajian tinggi ini telah mula mendapat dan diberi perhatian. Memang masih ada kekurangan dalam pengajaran bahasa Malaysia di peringkat institusi pengajian tinggi ini Justeru itu telah mula diatur langkah-langkah untuk mempertingkatkan pengajaran bahasa Malaysia sebagai suatu bidang pengajian di pusat pengajian tinggi Dengan itu timbullah kursus-kursus Bahasa Malaysia di fakulti, jabatan dan pusat pengajian yang berkenaan

dalam universiti-universiti tempatan. Inilah langkah-langkah yang akan membawa peningkatan dan penerimaan bahasa Malaysia itu sebagai suatu bidang ilmu Walau bagaimanapun langkah-langkah itu perlulah diatur dan dilihat sebagai suatu rancangan yang disusun untuk mencapai sesuatu tujuan tertentu, iaitu mempertingkatkan pengajian dan taraf bahasa Malaysia. Sebarang kursus baru dan tindakan yang diambil itu hendaklah dilihat sebagai cabaran yang kita hadapi dalam bidang pengajian bahasa Malaysia selepas 1983 Hal ini dilihat dari segi keseluruhan usaha dalam bidang yang akan dapat mempermajukan pengajaran dan pengajian bahasa Malaysia itu Usaha ini dapat kita bahagikan kepada enam tajuk

(a) *Kursus Kemahiran* bahasa *Malaysia*

Kemahiran dalam bahasa Malaysia merupakan suatu hal yang amat penting. Ternyata dari keadaan bahasa Malaysia di institusi pengajian tinggi lebih awal tadi, bahawa masih perlu kita meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia para pelajar dan pensyarah di institusi pengajian tersebut. Kelemahan penguasaan bahasa Malaysia di kalangan pelajar dan pensyarah tersebut perlulah diatasi. Kursus yang mengajar kemahiran bahasa Malaysia perlulah disusun dan diajarkan sesuai dengan peringkat kemahiran bahasa yang sepatutnya bagi peringkat universiti. Pada hari ini hanya Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Sains Malaysia menjadikan kelulusan dalam Bahasa Malaysia sebagai syarat mutlak dalam pengijazahan. Mungkin ada perlunya pusat pengajian lain berbuat demikian.

(b) *Kursus Ijazah Sarjana Muda/Diploma*

Kita juga harus menyedari hakikat bahawa kursus-kursus bahasa Malaysia sudah mula ditawarkan di institusi pengajian tinggi sebagai bidang pengajian untuk Ijazah Sarjana Muda. Ini memang wajar Tetapi untuk melengkapkan langkah ini eloklah kita lihat keperluan untuk menawarkan kursus pengajian bahasa Malaysia ini bukan saja sebagai kursus ijazah sarjana muda, tetapi juga sebagai kursus pada peringkat diploma, profesional, sarjana dan kedoktoran. Hanya dengan demikian barulah bidang pengajian bahasa Malaysia itu boleh meningkat maju.

(i) *Ijazah Sarjana Muda*

Kursus ijazah sarjana muda dalam Pengajian Bahasa Malaysia ini memanglah tidak dapat dinafikan pentingnya. Hal ini telah disedari dan ada empat buah universiti tempatan yang menawarkannya. Kursus yang ada di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Sains Malaysia itu perlulah dipupuk supaya berkembang dan menghasilkan graduan untuk menjadi guru dan pejuang bahasa Malaysia yang lebih mengetahui mengenai bahasa Malaysia. Ini sudah merupakan kenyataan yang pengajian bahasa Malaysia itu sudah menjadi suatu bidang ilmu Dengan lahirnya graduan dari rancangan pengajian ini tentulah kita akan mendapat graduan yang diperlukan untuk mempertingkatkan pengajaran bahasa Malaysia tersebut

Walau bagaimanapun ternyata kursus-kursus yang

ditawarkan sekarang ini mempunyai beberapa kelemahan yang tentu boleh diperbaiki Suatu dari bidang yang mungkin dapat diberi perhatian sedikit ialah bidang sebutan dan pertuturan. Mungkin perlu kursus sarjana muda dalam bidang bahasa Malaysia ini memberi perhatian yang sewajarnya terhadap pertuturan dalam bahasa Malaysia itu. Ini dipandang perlu kerana adanya pelajar bahasa Malaysia yang bukan penutur bahasa Malaysia sebagai bahasa pertama. Begitu juga perlu dijalankan sedikit usaha penstandadan di antara sebutan penutur bahasa Malaysia sebagai B_1 yang datang dari dialek yang berlainan.

(ii) Ijazah Lanjutan

Kursus ijazah lanjutan ini mencakupi ijazah sarjana dan kedoktoran. Ternyata ijazah sarjana muda saja tidak mencukupi Kursus pengajian ini hendaklah dimajukan hingga ke peringkat ijazah lanjutan sarjana dan kedoktoran. Kematangan sesuatu bidang pengajian itu terletak pada sedalam mana kajian yang dilakukan. Hanya kursus ijazah lanjutan yang dapat meningkatkan aspek akademik pengajian ini. Pelajar peringkat ijazah lanjutan akan tentu dapat mendalami sesuatu bidang dalam pengajian bahasa Malaysia ini dengan lebib teliti dan dengan itu membawa kemajuan yang diperlukan untuk bahasa Malaysia.

(iii) *Kursus Ikhtisas dalam Pengajaran Bahasa Malaysia*

Yang dimaksudkan dengan kursus ikhtisas ini ialah kursus yang bercorak terapan, lebih-lebih lagi dalam bidang pengajaran bahasa. Kajian secara akademik tanpa terapan terhadap bidang pengajaran akan mengakibatkan ketidakseimbangan dan akhirnya segala pembaharuan dalam kursus ijazah di atas tidak dapat dimanfaati oleh orang lain, lebih-lebih lagi pihak sekolah Kaedah mengajar bahasa Malaysia, bahan mengajar bahasa Malaysia, teknik menguji bahasa Malaysia hendaklah ditingkatkan juga. Pendeknya, hendaklah adanya perkembangan yang seimbang dalam bidang penterapan. Perlulah ada kursus diploma/sijil untuk guru-guru bahasa Malaysia. Kursus ini hendaklah pada prinsipnya sejajar dengan kursus TESL/TEFL/TESOL untuk bahasa Inggeris. Hanya dengan kursus ikhtisas demikian barulah pengajaran bahasa Malaysia akan mencapai taraf keprofesionalan yang tinggi.

(c) *Kursus lain yang berkaitan dengan* bahasa *Malaysia*

Dalam usaha meningkatkan pengajian bahasa Malaysia ini, sebarang kursus yang akan dapat memberi sumbangan terhadap memajukan dan meningkatkan pengajian dan pengajaran bahasa Malaysia hendaklah diberi perhatian dan kepentingan yang sewajarnya. Kursus demikian hendaklah direkabentuk supaya melengkapkan perkembangan bahasa Malaysia. Kursus seperti ini memanglah penting untuk semua pelajar di peringkat pengajian tinggi untuk menjamin supaya semua graduan dapat menguasai bahasa Malaysia dengan baik

dan berkesan. Kursus-kursus ini termasuklah kesusasteraan, penterjemahan, penulisan dan penyuntingan.

(i) *Kursus Kesusasteraan* bahasa *Malaysia (Melayu)*

Kesusasteraan memanglah suatu penggunaan bahasa. Ia tidaklah boleh dipisahkan dari keseluruhan usaha pengajaran sesebuah bahasa itu. Kalau kita mahu mempertingkatkan pengajaran bahasa Malaysia, maka pengajaran kesusasteraan bahasa Malaysia juga hendaklah disusun dengan teratur untuk memperlengkapkan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia. Peranan bahan kesusasteraan dalam meningkatkan penguasaan bahasa tidaklah perlu disangsikan.

(ii) *Kursus Terjemahan*

Salah satu dari kritik terhadap kekurangan buku teks dalam bahasa Malaysia ialah kerana tidak cukupnya usaha penterjemahan ke dalam bahasa Malaysia dijalankan. Bahan terjemahan yang ada itu pula, di samping bilangannya yang sedikit, selalu didapati tidak memuaskan.

Kelebihan sesuatu bahasa itu tergantung pada kemampuannya mengungkapkan ilmu dan teknologi. Oleh sebab karya asal dalam bidang ini amat berkurangan, maka penterjemahan menjadi suatu sumber penting untuk meluaskan penggunaan bahasa Malaysia dalam bidang ilmu dan teknologi tersebut Ini tentu sekali dapat membantu perkembangan bahasa Malaysia Tetapi terjemahan yang menggunakan pengungkapan bahasa Malaysia yang buruk akan sebaliknya merosakkan. Untuk menjamin supaya dapat dihasilkan bahan terjemahan yang baik, perlulah dijalankan kursus terjemahan yang disusun untuk mencapai tujuan tersebut. Kursus terjemahan itu hendaklah dijalankan dengan baik. Pada masa ini, hanya ada dua tiga kertas yang memberi kursus demikian di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia. Dalam hal ini jelas ada keperluan memperluaskan kursus ini supaya dapat menghasilkan penterjemahan yang lebih cekap dan mahir, supaya dapat menghasilkan perkembangan bahasa Malaysia seluruhnya

(iii) *Penulisan dan Penyuntingan*

Bukan terjemahan saja yang akan dapat membantu mempertingkatkan bahasa Malaysia. Tetapi, selalunya pengungkapan bahasa Malaysia dalam karya asal juga mempunyai banyak kelemahan. Penutur bahasa Malaysia sebagai B_1 perlu diberi bimbingan untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam bahasa Malaysia. Kursus Ilmu mengarang dan menyunting hendaklah diadakan. Kursus demikian akan membolehkan peningkatan penguasaan bahasa Malaysia. Kursus demikian akan dapat membantu penutur bahasa Malaysia menghasilkan bahasa bertulis dalam bahasa Malaysia dengan lebih kemas dan berkesan.

(d) *Penyelidikan*

Penyelidikan terhadap bahasa Malaysia tentulah akan dapat membantu memperbanyakkan ilmu bertulis dalam bahasa Malaysia. Oleh itu penyelidikan perlulah dimajukan, baik dalam bidang mendeskripsi atau pengajaran bahasa Malaysia tersebut. Hanya penyelidikan sajalah akan dapat menghasilkan pendapat dan bahan baru mengenai bahasa Malaysia, dan bahan demikian akan dapat dipergunakan seterusnya untuk kepentingan bahasa Malaysia pula. Tanpa penyelidikan, pembaharuan tidak akan timbul, dan tanpa pembaharuan pengajaran bahasa Malaysia akan terus bergelumang dalam bahan-bahan lama saja. Ada banyak bidang yang perlu dikaji dengan mendalam serta meluas, misalnya. kajian perbandingan bahasa Malaysia dengan bahasa-bahasa tempatan lain di Malaysia, kaedah mengajar Bahasa Malaysia, masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Malaysia dll. Tajuk penyelidikan ini amatlah penting dalam pengajian bahasa Malaysia di institusi pengajian tinggi. Tanpa kajian, keadaan pengajaran Bahasa Malaysia tidak akan maju.

(e) *Standardisasi* bahasa *Malaysia*

Salah satu dari masalah yang dihadapi oleh ramai penutur bahasa Malaysia bersabit dengan ejaan, istilah dan tatabahasa. Walaupun sudah ada daftar ejaan rasmi yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, ejaan masih merupakan satu masalah. Di samping itu istilah masih perlu diperlengkap dan diselaraskan. Penutur bahasa Malaysia juga perlu diberi bimbingan dalam tatabahasa. Pengajaran bahasa Malaysia yang standard dari segi ejaan, istilah dan tatabahasa di institusi pengajian tinggi akan menjadi satu cara untuk memperlaksanakan bahasa Malaysia yang standard.

(f) *Usaha-Usaha Lain*

Ada banyak usaha lain yang boleh dijalankan untuk mempertingkatkan penggunaan bahasa Malaysia, misalnya mengadakan bengkel, seminar dan kempen bahasa Malaysia. Usaha begini bolehlah dijalankan oleh institusi pengajian tinggi dengan cara yang lebih berkesan kerana taraf institusi tersebut tentu akan membawa erti dan kewibawaan yang tinggi.

Berhubung dengan ini, ada pula usaha-usaha lain yang berkaitan dengan perkembangan sesuatu bahasa itu, iaitu penerbitan. Memang secara langsung penerbitan terletak di luar tanggungjawab institusi pengajian tinggi, tetapi mungkin boleh juga penerbitan itu dijadikan suatu usaha institusi. Sebenarnya ini memang berlaku.

Penerbitan yang dimaksudkan di sini melibatkan segala bahan yang kena mengena dengan perkembangan bahasa Malaysia tersebut. Di antara bahan perhatian yang perlu diberi perhatian ialah. buku teks, bacaan tambahan, nobel dan bacaan umum

(i) *Buku Teks*

Buku teks untuk institusi pengajian tinggi dalam bahasa Malaysia dikatakan amat kurang. Oleh itu perlu diperbanyak. Karya asal hendaklah diutamakan, tetapi bahan terjemahan juga menjadi sumber tambahan untuk buku teks

(ii) *Bacaan Tambahan*

Bahasa bacaan tambahan juga berkurangan dalam semua bidang dan peringkat pendidikan. Kekosongan ini perlu diisi, sebab, penambahan bahan bacaan tambahan dalam perkembangan sesuatu bahasa itu tidaklah boleh diperkecil. Tanpa bahan bacaan tambahan, perkembangan bahasa Malaysia akan terpaksa bergantung pada buku teks Resam bahasa dalam bahan demikian tidaklah boleh dijadikan matlamat bahasa yang ingin dikuasai itu, lebih-lebih lagi untuk kegunaan dalam pertembungan sosial.

(iii) *Bahan Kesusasteraan*

Karya sastera juga perlu dicetak dan diperbanyak. Dalam hal ini, dengan adanya peraduan menulis nobel, cerpen dan sajak, dan pemberian hadiah kepada penulis-penulis selama ini telah menimbulkan galakan yang baik Apa yang penting ialah usaha baik ini diteruskan untuk menghasilkan lebih banyak lagi karya sastera.

(iv) *Bacaan Umum*

Bacaan umum ini mencakupi bahan cetak seperti akhbar dan majalah. Setakat ini akhbar dan majalah dalam bahasa Malaysia jauh lebih kecil bilangannya dari bilangan akhbar dan majalah dalam bahasa Cina misalnya. Ini adalah suatu keadaan yang boleh merosakkan kedudukan, dan perkembangan bahasa Malaysia. Apabila ada kaum yang merasa tidak perlu menggunakan bahasa Malaysia untuk tujuan hari-hari maka terancamlah kedudukan bahasa Malaysia tersebut. Oleh itu langkah meletakkan bahasa Malaysia pada tempat ini perlulah diusahakan.

Penutup

Keadaan pengajaran bahasa Malaysia di institusi pengajian tinggi masih perlu diperbaiki untuk menjadi lebih berfungsi kepada negara. Inilah cabaran yang besar kepada sarjana bahasa Malaysia di institusi pengajian tinggi Sebarang kelemahan dan kekurangan perlulah diatasi, sebarang kebaikan dipertingkat. Dengan segala usaha ini, apakah hasil yang akan dicapai? Usaha-usaha ini mestilah dilihat dalam konteks perancangan bahasa Malaysia secara umum Perancangan bahasa Malaysia ini hendaklah dipandang sama penting dengan perancangan dalam bidang lain seperti perumahan, pertanian, pembangunan bandar dll Matlamat perancangan ini akan hanya tercapai apabila semua langkah ini dapat digabungjalinkan dengan pengajaran bahasa Malaysia di institusi pengajian tinggi. Langkah-langkah ini perlu dilaksanakan dengan teratur dan penuh tanggungjawab. Dengan itu diharapkan bahasa Malaysia mendapat suatu pengertian baru sebagai bahasa Kebangsaan Malaysia. Berjaya atau tidaknya kita dalam menghadapi cabaran ini bergantung pada sama ada kita dapat mengenali dan mengatur langkah-langkah tertentu untuk mencapai matlamat yang kita tentukan untuk bahasa Malaysia selepas 1983 ini